

Kuala Lumpur hos sidang rumah mampu milik di Asia



➔ Cagamas, World Bank Group kendali perbincangan disertai pakar pelbagai sektor

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

Cagamas Bhd (Cagamas) dan World Bank Group akan menjadi hos bersama bagi persidangan 'Membina dan Membiaya Rumah Mampu

Milik di Asia' yang akan diadakan buat julung kalinya pada 2 hingga 3 April ini.

Persidangan bertemakan 'Penyelesaian perumahan yang selamat, mencukupi dan mampu milik bagi semua' itu akan menampilkan tokoh terkemuka daripada bidang yang terbabit dengan rumah mampu milik.

Antaranya termasuklah dari sektor awam dan swasta, pemimpin kewangan dan teknologi kewangan, pencipta serta pakar teknologi hijau dan perumahan kalis bencana bagi membincangkan pembiayaan dan rumah mampu milik di rantau ini.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, Pengerusi Cagamas, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour berkata pihaknya

teruja kerana menjadi hos bersama bagi persidangan berkenaan.

"Kami berharap perbincangan dan cerita kejayaan yang dikongsi akan memberikan lebih banyak pandangan untuk memacu sektor awam dan swasta serta individu yang terbabit bagi sama-sama mencari jalan yang membolehkan kami menambah baik dan menyediakan rumah mampu milik di Malaysia dan juga Asia.

Polisi untungkan pengguna

"Di Malaysia, kerajaan terus memperkenalkan dan melaksanakan prinsip pembangunan perumahan serta polisi yang boleh mendatangkan manfaat kepada pembeli rumah daripada kumpulan pendapatan rendah," katanya di Kuala

Lumpur, baru-baru ini.

Sementara itu, Wakil World Bank Group ke Malaysia yang juga Pengurus Negeranya, Dr Firas Raad, berkata pembangunan pasaran kewangan perumahan untuk meningkatkan bekalan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi rumah mampu milik bukan sahaja membantu mengatasi defisit kewangan perumahan yang berlaku di banyak negara.

"Ia juga membantu mencipta pekerjaan, kekayaan dan memberi banyak lagi manfaat tidak langsung yang positif termasuk mewujudkan kesihatan yang lebih baik," katanya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin dijangka akan menyampaikan ucapan pada persidangan berkenaan.



Harap perbincangan dan cerita kejayaan yang dikongsi beri lebih banyak pandangan untuk memacu sektor awam dan swasta serta individu yang terbabit mencari jalan yang membolehkan kami tambah baik dan sedia rumah mampu milik di Malaysia dan Asia"

Abdul Rasheed Ghaffour,
Pengerusi Cagamas